

26 MAR 1997

KONTRAK BEKALAN SISTEM MONOREL KL RM720 JUTA DIMETERAI

Oleh: Syed Jamil Jaafar

TOKYO, 26 Mac (Bernama) -- Satu kontrak bernilai RM720 juta bagi bekalan sistem monorel dan kelengkapan dan perkhidmatan berkaitannya telah ditandatangani di sini hari ini antara KL PRT Sdn Bhd dan tiga buah syarikat Jepun -- Itochu Corporation, Toyo Engineering Corporation dan Hitachi Ltd.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berada di sini dalam rangka lawatan rasmi empat hari, menyaksikan upacara itu di Imperial Hotel.

Menandatangani bagi pihak KL PRT ialah pengerusinya, Datuk Kamaruddin Jaafar, pengarahnya Tan Sri Vincent Tan dan pengarah urusan David Chew.

Konsortium Jepun itu diwakili oleh naib presiden eksekutifnya Takashi Yamamura, presiden dan ketua eksekutif Toyo Engineering, Morio Sonoda dan pengarah urusan eksekutif kanan Hitachi, Kunio Hamada.

KL PRT Sdn Bhd akan membina sebuah sistem monorel dalaman bandar raya sepanjang 16km dipanggil PRT atau "People-Mover Rapid Transit" di Kuala Lumpur yang sesak dengan lalulintas. Sistem monorel itu akan menyokong perkhidmatan dua sistem Transit Aliran Ringan (LRT) yang sedang dilaksanakan oleh dua syarikat, STAR dan PUTRA, dan juga perkhidmatan komuter elektrik oleh KTM Komuter.

KL PRT berkata di dalam satu kenyataan bahawa syarikat itu menandatangani perjanjian penswastaan RM1.9 bilion dengan kerajaan Malaysia pada 29 Okt, 1996 untuk membina, mengendalikan dan menyenggara sistem PRT itu untuk tempoh konsesi selama 30 tahun.

Sistem PRT adalah berasaskan kepada versi terbaru keretapi Monorel Tokyo Siri 1000, yang dipertingkatkan secara teknikal dan diperbaiki bagi menyesuaikan dengan keperluan Kuala Lumpur.

Satu sistem monorel berpangku, PRT akan dikeluarkan menggunakan bahan-bahan kalis api dan tidak toksik menurut standard antarabangsa.

Kenyataan itu berkata perkhidmatan itu akan mengandungi empat gerabak, pasangan berkembar kekal yang membentuk sebuah keretapi dua gerabak depan dan belakang dan dua gerabak tengah.

Tinggi keretapi itu ialah 4.51 meter, lebarnya tiga meter, beratnya 102 tan dan jumlah panjangnya 63.5 meter.

Keretapi itu akan direka bentuk dan dibekal oleh Hitachi Ltd manakala Toyo Engineering akan bertanggung jawab bagi kerja-kerja pemasangan, Pengendalian dan penyenggaraan akan disokong oleh Itochu.

KL PRT Sdn Bhd adalah sebuah syarikat milik Bumiputera 51 peratus dengan pemegang-pemegang sahamnya terdiri daripada KL LinearCity Sdn Bhd (63 peratus) dan KL Monorail Concessionaire Sdn Bhd (37 peratus).

Sistem PRT akan mengendalikan 14 keretapi monorel dengan 21 buah stesen dari Jalan Tun Razak ke Kampung Pasir di Jalan Kelang Lama melalui Bukit Bintang, Brickfields dan Taman Desa.

Seksyen pertama 8km dari Jalan Tun Razak (stesen Bas Pekeliling) ke Brickfields dijadual siap akhir 1998 dan Seksyen 2 dari Brickfields ke Kampung Pasir menjelang akhir 1999.

Sistem PRT boleh mengendalikan 18,000 penumpang sejam dengan 630 penumpang setiap keretapi beroperasi setiap dua minit berlepas di antara keretapi. Perkhidmatan itu adalah mulai pukul 6 pagi dan berakhir pada tengah malam. -- BERNAMA

SJ OS/sia